




Cerpen ini ditulis pada 23 Mac 1977 dan tersiar di akhbar Berita Minggu pada 13 Nov 1977



Hari itu Pak Kusman pulang awal. Dia mahu mendengar syarahan agama di majlis maulid estet perumahannya. Dia benar-benar mahu mendengarnya. Apatah lagi syarahan Ustaz Semaun; pensyarah agama yang menjadi rebutan itu.

Kemudian, perlahan-lahan dia meninggalkan beca yang banyak menabur bakti pada kehidupannya, juga kehidupan anaknya. Dan dulu, kepada kehidupan isterinya. Becanya itulah yang memberikan bantuan yang tidak kurang juga pentingnya.

Pada beca itu, satu-satunya pergantungan harapannya. Satu-satunya yang terus mampu menyambungkan hidupnya kini dan mungkin nanti. Pada becanyalah nafasnya dan nafas anaknya terus berdenyut, walaupun denyutnya tidak sepantas orang lain dan kadangkala menikam-nikam hatinya. Tapi, dia tetap bersyukur.

Pak Kusman terus melangkah perlahan. Apabila sampai ke kaki tangga rumah pangsananya, dia terus mengerling ke arah becanya. Dilemparkannya sebuah senyuman. Moga-moga tidak ada orang yang akan mencacatnya. Selain anaknya, becanya itulah yang menceriakan hidupnya.

Pak Kusman mendaki satu-satu anak tangga untuk tiba ke rumahnya di tingkat tiga. Padanya setiap anak tangga yang didakinya merupakan kehidupannya. Setiap itulah fikirnya, dia terdaya melangkah ke tahap itu. Lebih daripada itu, dia akan kehilangan daya. Dan dia tidak akan berupaya mendaki hingga ke peringkat enam belas, tingkat paling akhir. Sesungguhnya badannya memang tidak berdaya. Kakinya pun sudah lama hilang tenaganya untuk merangkak ke atas lagi.

Kemudian kepalanya mula mencongak-congak tentang sewa rumahnya sebilik itu, tentang bil air lampu yang sering membingung otaknya. Sekurang-kurangnya dia harus ada enam puluh dolar sebulan untuk menghilangkan segala kegelisahannya. Dan itu

fikrinya sudah dapat diatasi. Sewa pajak beca sembilan puluh dolar untuk tiga orang pelajar ke tadikanya dan upah mencuci tandas orang ramai yang tiga puluh dolar lagi itu sungguh-sungguh menyenangkan kegelisahannya.

Dan kakinya harus mengayuh becanya lagi. Setiap kayuhan adalah untuk memutarakan usus-usus perutnya, juga perut anaknya. Dan dengan keadaan hidup hari ini, kayuh hari ini adalah untuk perut hari ini; tidak esok, tidak lusa.

Dan harapan pada kakinya supaya terus bertenaga kuda.

Otaknya mula menjalar lagi pada anaknya yang keseorangan di rumah. Sudah tiga tahun hidup anaknya tanpa ibu. Sudah tiga tahun juga rambut anaknya kehilangan usapan ibunya. Pada anaknya, dia menggantung harapan hari mukanya. Dia pasti hidupnya akan cerah; walaupun secerah kerdipan lilin apabila anaknya bekerja kelak.

Tapi Pak Kusman sedar; anaknya Fadil tidak pernah lulus dalam peperiksaannya, tidak pernah sekali pun buku penyatannya cerah dengan warna biru, hampir semuanya berselaput dengan tinta-tinta merah yang menyilaukan. Dulu, pernah di hatinya mahu menurunkan becanya, harta pusaka paling berharga dalam hidupnya itu kepada anaknya, supaya beca itu terus berkhidmat kepada dia berdua, mungkin pada cucunya juga.

Kini, niat di hatinya diam-diam terusir jauh, kerana Fadil yang menuntut di kelas Kursus Asas punya harapan tidak mewarisi becanya itu. Dia diberi peluang mengikuti kursus kejuruan di sebuah institut kejuruan dengan elaun seratus dolar sebulan. Dan dengan wang seratus itu, Pak Kusman dapat juga menampung hidupnya, demi perut anaknya, dan perutnya juga.

Dan harapan pada anaknya terus berbunga-bunga.

Apabila Pak Kusman tiba di pintu rumahnya, diketuknya beberapa kali. Dia mahu anaknya itu membuka pintu untuknya. Dia mahu anaknya tersenyum mesra menyambut kepulangannya. Dia mahu membals senyuman anaknya dengan senyuman lebih mesra daripada senyuman anaknya.

”Ayah tak bawa beca malam ini?” terpancut soalan apabila pintu terbuka. Di bibir anaknya tiada senyuman mesra yang diharapnya. Dan di bibir Pak Kusman telah bercabang senyumannya.

”Tidak, ayah nak dengar syarahan agama...”

Tiba-tiba senyumannya semakin pecah apabila matanya terpancang ke arah dapur. Di matanya terpancang seekor burung merbak jambul dengan sangkarnya yang istimewa. Senyumannya menampakkan kegelisahan apabila terdengar dendangan burung itu. Dadanya seperti terhempas dengan siulan burung itu.

“Burung siapa tu...? Tanyanya kurang sabar.

Fadil diam gelisah.

“Burung siapa tu...? Engkau curi ya...? soalnya lagi.

Fadil diam lagi. Gelisahnya semakin mendalam.

“Burung siapa tu?” Pak Kusman mula mengherdik.

Gelisah Fadil mula mengecutkan perutnya. Gelisahnya semakin kecut kering apabila tangan ayahnya menyengat pipinya. Sebutir-butir air matanya membanjiri pipi-pipinya yang jelas cengkung.

“Maafkan saya, ayah...!” ujar Fadil merentap gelisahnya.

Pak Kusman tunduk kaku. Kata-kata sudah kehilangan maknanya. Hatinya mula kesal dengan tindakannya tadi; tindakan yang memecahkan ikrarnya kepada arwah isterinya untuk memelihara Fadil sebaik mungkin. Dia berjanji pada dirinya untuk membelai Fadil, tidak mahu memukulnya, mahupun menjentiknya. Dia berjanji akan mencurahkan kasih sayangnya seratus peratus kepada Fadil. Dan isterinya pulang ke rahmatullah dengan secebis senyuman, tanda puas.

Pak Kusman sedar anaknya perlu teman; buat penghibur waktu keseorangan. Pak Kusman juga sedar, pada burung itulah anaknya mula berteman, mula mengisi segala kesunyiannya.

”Maafkan saya ayah. Fadil tidak akan ulangi perbuatan ini lagi.”

Pak Kusman tetap membisu. Hatinya mula berbisik-bisik mahu membelikan anaknya seekor burung merbak jambul. Biat kesunyian anaknya trisi, biar kegelisahan anaknya pudar layu. Walaupun dia berhutang sekali pun, walau dia menyembah pada Ah Hong, taukeh kedai burung, demi seekor burung, demi membayar segala kesunyian anaknya, dia sanggup melakukan itu semua.

Dan esok, harapan kepada Taukeh burung itu terus berjilatan di hatinya.

”Ayah...”

”Pulangkan burung itu pada tuannya Fadil. Ayah tidak suka kau mencuri. Pulangkanlah nak!” serunya perlahan. Ketenangan mula menyelinap di hatinya.

”Baiklah ayah.”

”Fadil....Ayah janji, esok ayah membelikan seekor burung untuk Fadil. Ayah janji belikan satu untukkau,” kata Pak Kusman.

”Tapi ayah.....”

”Sudahlah Fadil...pulangkan kepada tuannya.”

Perlahan-lahan Fadil meninggalkannya. Pak Kusman bersendirian. Dia benar-benar menyesali penderitaannya; penderitaannya dulu dan kini. Penderitaan yang meragut nyawa isterinya. Dan hatinya mula tawar hendak mendengar syarahan Ustaz Semaun malam itu. Syarahan Ustaz Semaun tidak akan mengubah penderitaannya, tidak dapat mendamaikan hatinya yang bergelora itu.

Kemudian Pak Kusman teringat akan kata-kata anaknya siang tadi, niat anaknya hendak makan nasi beriani esok hari, di majlis maulid di estetnya. Anaknya benar-benar tidak mahu melepaskan peluang ini. Dia mahu makan sepuas-puasnya.

Pak Kusman juga tahu, tahun lalu kanak-kanak lain begitu jijik hendak makan dengan anaknya. Entah mengapa kanak-kanak itu tidak mahu makan bersama anaknya, dia kurang tahu.

Kemudian, berkisar ingatannya pada persiapan perayaan maulid itu, bersungguh-sungguh jawatankuasa majlis maulid itu bekerja, bertungkus lumus mengumpul wang, memungut derma, semata-mata merayakan maulid. Setahun sekali pada mereka melimpahkan keringat dan tenaga tak jadi soal. Setiap pintu diketuk mereka untuk meminta derma. Dan entah mengapa, mereka tidak mendatangi rumahnya, Pak Kusman tidak mahu tahu.

Tapi, apa yang Pak Kusman tahu, dia boleh mendengar syarahan agama di majlis itu. Kemudian, makan juadah-juadah yang lazat, Dan, anaknya tetap makan nasi beriani setiap tahun di majlis itu. Itu benar-benar Pak Kusman tahu.

Alangkah sesianya usaha jawatankuasa itu, tidak meninggalkan apa-apa kesan langsung, fikir Pak Kusman dalam-dalam. Alangkah baiknya jika wang derma itu dilsalurkan kepada kerja-kerja yang lebih manfaat, membiayai pembinaan masjid di estetnya, memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya, atau mendermakan sebahagiannya kepada orang-orang yang menderita seperti keluarganya, biar penderitaan hidupnya terasa ringan, fikirnya lagi dengan diiringi senyuman yang melimpah di bibirnya.

Apabila Fadil pulang, terasa dadanya begitu lapang sekali. Tapi bibirnya entah mengapa begitu kelu untuk berkata. Entah mengapa bibirnya kehilangan suara, kematian bicaranya. Pak Kusman sendiri tidak tahu. Kemudian, dia berpaling ke tempat pembaringannya lalu membujurkan dirinya. Matanya terkelip ke siling. Seminit dua, Pak Kusman memimpikan syurga yang mengasyikkan.

Esoknya, jam dua belas tengah hari, Pak Kusman mengayuh becanya pulang. Di sisinya merbak jambul berdendang riang. Siulan-siulan burung itu mendamaikan juga hatinya.

Apabila hamper pada blok rumah pangasanya, terlihat oleh Pak Kusman, Fadil hendak menyeberang jalan menuju ke dewan masyarakat, tempat perayaan maulid diadakan. Fadil, fikirnya hendak mengisi perut kosongnya dengan nasi beriani. Dan dikayuh becanya dengan sederhana-deranya. Dia mahu pemerian burung ini mengatasi nasi beriani. Atau sekurang-kurangnya biar pemberiannya ini dapat melegakan hati anaknya dulu. Biar nasi beriani yang masuk ke tekak anaknya itu tidak tersendat-sendat.

Kemudian terdengar pada Pak Kusman bunyi brek kereta yang kuat. Matanya mencari-cari anaknya. Entah ke mana anaknya kini. Orang ramai mula berkerumun riuh pada kereta putih jernih tadi. Dan kaki Pak Kusman entah mengapa semakin cepat kayuhannya.

Matanya terus mencari-cari anaknya, meliar ke segenap pelosok. Tapi bayang tubuh anaknya tidak kelihatan. Hatinya semakin berdebar apabila tiba di tempat itu. Fadir sedang terbjur, mengerang kesakitan. Darah-darah merah cair membasahi tubuh anaknya. Pak Kusman terus menerpa Fadir.

“Fadir...!” Kata Pak Kusman sayu.

”Ayah...”

”Fadir...ayah bawakan burung ini untuk Fadir...”

“Ayah...”

Pak Kusman diam. Hatinya pedih sekali.

“Ayah, lepaskan burung itu, ayah!”

“Tapi, Fadir...”

“Ayah... bebaskan burung itu, ayah.”

Hati Pak Kusman semakin menahan kepedihannya. Tangannya meraba-raba pintu sangkar. Niatnya mahu membebaskan burung yang dibelinya tadi. Entah mengapa ketika itu, dia mahu mematuhi suruhan anaknya, dia kurang pasti. Dilihatnya burung merbuk terbang bebas ke angkasa dengan tumpahan air matanya.

Mata Pak Kusman beralih pada Fadir, senyuman di bibir Fadir nampak ketara, seolah-olah satu kepuasan tersemat di bibirnya, tapi tubuhnya kejang kaku apabila digoncang-goncang oleh Pak Kusman. Pak Kusman meratap sepuas-puas hatinya. Segala harapannya pergi bersama kepergian anaknya, bersama kepergian burung merbak jambul itu.

Direnungnya kereta putih jernih yang melanggar anaknya. Di dalamnya Ustaz Semaun bersandar di tempat duduk belakang kereta itu. Cerut terselit di bibirnya. Tangannya memicit-micit dahinya. Mata Pak Kusman seperti mahu menikam mata Ustaz Semaun tapi segala-galanya tak terdaya olehnya.

Kemudian, matanya perlahan-lahan beralih ke dewan masyarakat. Perayaan memberi makan kanak-kanak terus berjalan, seolah-olah pada fikiran Pak Kusman, mereka tidak mahu mengerti kepahitan penderitaannya kini. Matanya terus memandang dewan masyarakat dengan seribu jengkelnya, seribu muaknya.

Perlahan-lahan dia bangun dan menghempaskan sangkar burung itu ke tanah.

Dan harapannya kepada Fadil terus pecah berderai, tumpas entah di mana. Ketika matanya dipejamkan, dia sedar anaknya telah kehilangan penderitaan. Moga-moga anaknya akan ditemukan kepada ibunya di syurga. Dia pasti tiada penderitaan di situ.

Tarikh siap : 23 Mac 1977.